

22 MAR 1999

MAHATHIR-MSK

PERMOHONAN UNTUK TARAF MSC TAK MEROSOT, KATA DR MAHATHIR

CYBERJAYA, 22 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa permohonan untuk taraf Koridor Raya Multimedia (MSC) tidak merosot sejak kawalan tukaran mata wang diperkenalkan.

Sebaliknya, "ia semakin cepat," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata bahawa ini kerana syarikat-syarikat hari ini tahu dengan tepat mengenai kos untuk berniaga dengan adanya kawalan tukaran mata wang.

Dalam membangunkan koridor itu, kerajaan telah mensasarkan 50 syarikat bertaraf dunia ditempatkan di MSC menjelang tahun 2003.

"Sekarang ialah 1999 dan kita telahpun ada 29 syarikat," katanya.

MSC adalah satu kawasan 750 kilometer persegi terletak dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang dan merupakan pusat bagi pembangunan produk-produk dan perkhidmatan multimedia.

Ditanya sama ada Hong Kong Cyberport dan Singapore One -- pusat-pusat teknologi maklumat yang juga sedang dibangunkan oleh kedua-dua negara itu -- akan menjadi persaingan kepada MSC, Dr Mahathir berkata:

"Tidak. Apa yang kita ada di sini adalah satu pelan yang sangat komprehensif yang membabitkan seluruh kawasan lengkap dengan satu set undang-undang siber, amalan-amalan baru, kemudahan-kemudahan baru yang direka bentuk untuk menyediakan semua perkembangan baru dalam era teknologi maklumat.

"Jadi, tiada negara lain boleh menumpukan seluruh (atau), pastinya Singapura, tidak boleh mempunyai kawasan 55 kilometer dengan 15 kilometer yang kita ada di sini."

-- BERNAMA

MNY MAI